



**Perak EXcellent**

# **SOALAN LATIH TUBI BERFOKUS (SOLAF)**

## **BAHASA MELAYU 2016**

---

**(Tingkatan 4 & Tingkatan 5)**

**TATABAHASA  
Soalan 3**

**Disediakan oleh**

**JURULATIH UTAMA & GURU CEMERLANG  
BAHASA MELAYU**

**Jabatan Pendidikan Negeri Perak**

## MODUL 1

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis **satu** ayat bagi setiap perkataan dalam pasangan kata di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- i. agak matang
- ii. riang gembira
- iii. tinggi lampai
- iv. baik buruk
- v. terang hati
- vi. merah jambu

[6 markah]

(b) Baca perenggan di bawah dengan teliti. Kemudian senaraikan **kata kerja pasif** yang anda temui.

Dunia perniagaan penuh dengan risiko. Walau bagaimanapun, risiko yang akan kita hadapi adalah berbeza-beza antara satu sama lain. Kita perlu sentiasa berhati-hati dalam mengharunginya. Kita akan kerugian jika tidak bersedia dan berhati-hati. Oleh itu, mereka yang menceburji bidang ini dinasihati supaya memberikan perhatian yang sepenuhnya terhadap perniagaan mereka. Hal ini demikian kerana kadang-kadang tidak terjangka oleh kita sesuatu yang mengejutkan akan berlaku. Misalnya, kita mungkin kena denda akibat kecuaian dalam sesuatu urusan atau urus niaga. Walaupun sesetengah peniaga tahu risiko yang seharusnya dielakkan, mereka masih degil dengan mengambil risiko tersebut. Satu persoalan yang belum berjawab ialah mengapakah mereka bersikap demikian?

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pertunjukkan payung terjun sempena sambutan hari kebangsaan telah disaksikan oleh orang ramai yang datang berkunjungan.
- (ii) Profession kedoktoran menjadi semakin penting pada masa kini dan akan datang kerana pertambahan pendudukan yang begitu pesat di seluruh dunia.
- (iii) Setiap pelajar perlu dikuasai bahasa inggeris untuk menambah ilmu dan teknologi.

[6 markah ]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Penggunaan kredit kad begitu pesat sehingga ramai pakar kewangan meramal bahawa di suatu masa nanti ekonomi dunia menjadi ekonomi tanpa mata wang.
- (ii) Salman tidak pernah putus asa walaupun telah berapa kali gagal sampai ke puncak Gunung Kinabalu kerana dia tetap bercita-cita untuk menaiki gunung tersebut.
- (iii) Dewan Titiwangsa perlu diperbesarkan supaya dapat memuatkan penonton lebih ramai.

[6 markah]

- (e) Baca peribahasa di bawah ini dengan teliti, kemudian kemukakan satu peribahasa yang sama maksud.
- (i) Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.
  - (ii) Sikit-sikit lama-lama jadi bukit.
  - (iii) Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

[6 markah]

## MODUL 2

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis **satu** ayat bagi tiap-tiap frasa dalam pasangan frasa di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan frasa itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- i. berserabut
- ii. bergerodak
- iii. bergeletar
- iv. bersemerbak
- v. bergemerlap
- vi. bergemuruh

[6 markah]

(b) Tulis semula petikan atau ujaran di bawah dalam bentuk laporan dengan mengekalkan maksud asalnya.

“Boleh ajar aku cara untuk masak nasi goreng?” tanya Anisah kepada Mei Ling. “Boleh, apa salahnya,” jawab Mei Ling. “Kalau begitu boleh kau tuliskan sekarang bahan – bahan yang perlu aku sediakan untuk memasak nasi goreng itu?” pinta Anisah. “Jangan risau, nanti sebelum balik dari sekolah aku akan beri kepada kau,” janji Mei Ling kepada Anisah. “Aku nak masak nasi goreng tersebut pada minggu hadapan, aku akan sediakan bahan – bahan yang kau tuliskan sebelum minggu hadapan,” terang Anisah lagi. “Eloklah tu, nanti aku akan datang ke rumah kau untuk mengajar kau memasak nasi goreng tersebut,” janji Mei Ling lagi.

[ 6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- i) Kebanyakkan penduduk kawasan pedalaman telah didapati kemudahan asas seperti air dan elektrik pada masa sekarang.
- ii) Semasa masak lauk tersebut ibu telah memasukkan pelbagai bahan bagi menyedapkan hidangan makan tengahari kami.
- iii) Perundingan yang diadakan itu akhirnya membawa kemakmoran dalam kalangan negara yang terlibat.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Berbagai rintangan terpaksa mereka hadapi sebelum sampai di gunung puncak itu.
- (ii) Persembahan nyanyiannya yang hebat di dalam konsert itu menyebabkan Faizal diberikan intensif yang lumayan.
- (iii) Rahimah terpilih sebagai pelajar yang paling terbaik sekali dalam pertandingan yang disertainya reka cipta.

[6 markah]

(c) Isi tempat kosong di bawah ini dengan menggunakan peribahasa yang sesuai.

- (i) Pak Bakar dan Mak Lijah berbisik-bisik apabila bercerita tentang perilaku anak jirannya kerana mereka sedar bahawa \_\_\_\_\_.
- (ii) Kamal memperlengkap dirinya dengan segala ilmu persilatan sebelum menyertai pertandingan seni silat antarabangsa itu sesuai dengan bidalan yang mengatakan bahawa \_\_\_\_\_.
- (iii) Dengan berpegang pada prinsip \_\_\_\_\_, akhirnya usaha Pak Abu untuk pergi ke Mekah tercapai.

## MODUL 3

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(d) Tulis **satu** ayat bagi tiap-tiap frasa dalam pasangan frasa di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan frasa itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i)      cari gali            -      gali cari
- (ii)     orang kampung    -      kampung orang
- (iii)    telur ayam        -      ayam telur

[6 markah]

(e) Tulis ayat-ayat di bawah ini semula supaya menjadi **tiga** ayat sahaja tanpa mengubah maksud asal ayat-ayat tersebut.

Bahasa berperanan penting dalam kehidupan manusia. Bahasa menjadi alat perantaraan. Bahasa menjadi saluran maklumat. Bahasa menjadi bahasa dagangan. Bahasa boleh menjadi alat penyebaran ilmu yang penting juga. Bahasa Melayu ialah jiwa. Bahasa Melayu ialah identiti bangsa Malaysia. Setiap bangsa dikenal melalui bahasanya. Bahasa akan terus wujud jika bahasa itu menjadi bahasa ilmu. Bahasa Melayu menjadi simbol perpaduan. Bahasa Melayu mampu membangkitkan semangat patriotik dalam kalangan rakyat negara ini.

[ 6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i)      Lazimnya aktiviti pengkayaan dalam matapelajaran Bahasa Melayu terdiri daripada bacaan luas, permainan bahasa dan kerja projek.
- (ii)     Pegelangan tangan pencuri itu hampir putus kerana di tetak dengan parang oleh mangsanya ketika mempertahankan diri.
- (iii)    Walau pun kebanyakan orang asli tinggal di kawasan pedalaman tetapi boleh dikata semua anak mereka bersekolah.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Budayawan Dato' Sharifah Aini banyak menghasilkan album lagu-lagu Melayu asli dan moden sehingga artis-artis lain sukar untuk menandingi beliau.
- (ii) Segala haiwan-haiwan di dalam hutan belantara itu pun keluar dan berhimpun di kawasan lapang untuk menyaksikan perlumbaan antara monyet dan siput di sepanjang sungai itu.
- (iii) Gerai itu sering pembeli kerumuni terutamanya ketika orang balik dari pejabat sebab laksa asamnya sedap.

[6 markah]

(f) Isi tempat kosong di bawah ini dengan menggunakan peribahasa yang sesuai.

Apabila berbicara tentang keruntuhan moral golongan remaja, kita tidak wajar \_\_\_\_\_ dan menyalahkan pihak lain kerana kita bersama-sama memikul tanggungjawab untuk menanganinya. Sesiapa yang cuba \_\_\_\_\_ dalam hal ini akan menjadi sia-sia sahaja, jika tidak ada anak sendiri yang terlibat tetapi tidak dapat dinafikan ada anak buah yang terlibat dalam gejala itu. Apabila perkara itu dibangkitkan sudah tentu \_\_\_\_\_ akhirnya.

[6 markah]

## MODUL 4

### Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[ 30 markah ]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis satu ayat bagi setiap kata di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan frasa itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (iv) rasional
- (v) respons
- (vi) senario
- (vii) kontrak
- (viii) aplikasi
- (ix) integrasi

[6 markah]

(b) Baca perenggan di bawah dengan teliti.

Kita bukan sahaja memperoleh maklumat daripada surat khabar atau televisyen tetapi juga daripada pelbagai sumber. Salah satu sumber yang berkesan ialah internet. Kini masyarakat kita menyedari bahawa internet sangat penting dalam pencarian maklumat. Hal ini demikian kerana keberkesanannya sudah terbukti benar.

Berikan contoh ayat bagi:

- i- ayat relatif
- ii- ayat komplemen
- iii- ayat keterangan

[ 6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Pihak kerajaan telah mengambil langkah yang pro aktif dalam usaha tangani gangguan sosial dalam kalangan remaja.
- (ii) Semangat patriotisme dalam kalangan jenerasi muda hari ini makin terhakis dari sehari ke sehari.
- (iii) Industri otomobil di negara kita telah capai tahap yang amat membanggakan.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** atau **satu kesalahan tatabahasa**. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Kita tidak boleh mengambil mudah di dalam hal-hal yang dikaitkan dengan gangguan sosial remaja masa kini.
- (ii) Kita bertekad untuk mencapai 1A dalam mata pelajaran Bahasa Melayu justeru kami akan mengulang kaji dari masa ke semasa.
- (iii) Jangan terlalu banyak makan telur ayam kerana kandungan kolestrol yang tinggi terdiam dalam telur kuning.

[6 markah]

(e) Tuliskan peribahasa yang sesuai bagi setiap ayat berikut.

- (i) Selain dapat menimba pengalaman, saya juga mencari peluang untuk memperkembang perniagaan saya ketika menyertai seminar keusahawanan itu,” ujar Bakhtiar kepada temannya.
- (ii) Rahim menasihati Ilham supaya tidak mempercayai kata-kata Rahmat sewenang-wenangnya kerana Rahmat itu sanggup melakukan apa sahaja untuk kepentingan diri.
- (iii) Abu menyatakan persetujuannya untuk menjadi penjamin Asri bagi membolehkannya membuat pinjaman wang daripada ceti haram walaupun dia telah sedia maklum akan kesan yang akan dihadapinya sekiranya Asri gagal melangsaike pinjaman tersebut pada masa ditetapkan.

[6 markah]

## MODUL 5

### Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[ 30 markah ]

Jawab semua soalan.

- ( a ) Tulis **satu** ayat bagi setiap perkataan dalam pasangan kata di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

( i )	fitnah	-	fitrah
( ii )	iktibar	-	iktiraf
( iii )	taksir	-	tafsir

[6 markah ]

- ( b ) Cerakinkan ayat-ayat dalam perenggan di bawah ini kepada subjek dan predikat.

- (i) Semangat kejiranan memainkan peranan yang amat penting dalam menjanakan kehidupan masyarakat setempat.
- (ii) Agak kurang diberikan perhatian promosi dan kempen penggunaan minyak sawit.
- (iii) Penubuhan badan amal dapat menentukan keperluan bantuan sebenar pesakit dari segi jenis dan kos rawatan.

[6 markah ]

- ( c ) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan penggunaan ejaan dan **satu** kesalahan penggunaan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat-ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Pasaraya itu telah menghadkan setiap pelanggannya membeli dua botol minyak masak sahaja.
- (ii) Influenza atau masaalah jangkitan penafasan ialah penyakit yang mudah merebak dalam kalangan manusia.
- (iii) Untuk memastikan para pelajar memperolehi keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun ini, pihak sekolah turut mendapatkan kerjasama daripada ibu-bapa.

[6 markah ]

(d) *Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Penggunaan kredit kad yang tidak berhemah menyebabkan banyak pengguna dikatakan muflis.
- (ii) Perjanjian di antara kedua-dua buah negara itu sudah dipersetujui semalam
- (iii) Bukan Pak Karim sahaja yang dermawan dan prihatin akan kepahitan hidup penduduk kampung kerana anak lelakinya juga pemurah.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah ini dengan teliti, kemudian kemukakan satu peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam setiap ayat.*

- (i) “Pagi tadi saya lihat anak-anak Kak Siti bergaduh. Sekarang sudah berbaik- baik semula,” kata Puan Kam.
- (ii) “Dahulu saya tidak menghiraukan teguran dan nasihat yang diberikan. Kini setelah mengalami kegagalan, barulah saya menyedari kesilapan saya,” kata Samy kepada Muthu.
- (iii) “Dia itu asyik menyalahkan orang lain saja. Kesalahan diri sendiri sedikit pun dia tak perasan,” kata Latifah.

[ 6 markah]

## MODUL 6

### Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

(a) Tulis **satu** ayat bagi setiap kata majmuk di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- ( i ) gambar rajah
- ( ii ) kertas kerja
- ( iii ) garis pusat
- ( iv ) hak milik
- ( v ) urus setia
- ( vi ) cari gali

[6 markah]

(b) Tukarkan cakap pindah di bawah kepada bentuk cakap ajuk dengan mengekalkan maksud asalnya. Anda harus menggunakan bahasa yang gramatis.

Nadia memberitahu adiknya bahawa cuaca pada hari itu sungguh panas. Adiknya, Nazrin mengeyakan kata-kata Nadia. Menurut Nazrin, cikgu Geografinya ada menerangkan bahawa dunia sedang menghadapi pemanasan global dan cuaca kerap berubah-ubah. Nadia bersetuju dengan penjelasan adiknya dan menambah bahawa jumlah kenderaan yang banyak di Malaysia turut menjadi faktor perubahan cuaca. Nazrin kehairanan lalu meminta penjelasan tentang maksud kata-kata kakaknya itu. Nadia memberitahu bahawa karbon monoksida dan karbon dioksida yang terhasil daripada asap kenderaan bermotor boleh menyebabkan suhu dunia meningkat. Nazrin pula bertanya kepada kakaknya, sama ada aktiviti pembalakan boleh mengakibatkan suhu dunia meningkat atau tidak.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan penggunaan ejaan dan **satu** kesalahan penggunaan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (iii) Surat pekeliling ini adalah untuk memaklumkan perlaksanaan Rancangan Malaysia Ke 9.
- (ii) Pelan Induk Pembangunan Pendidikan bertujuan untuk memartabat bidang pendidikan negara sekaligus membina modal insan yang cemerlang.
- (iii) ``Catitan yang dituliskan oleh jururawat pada sampul ubat itu sungguh ringkas sehingga kami tidak memahaminya,” kata kak long kepada ibu.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata, atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (iv) Segerombolan murid lari bertempiaran bila hujan turun.
- (v) Kerja pembetulan lif yang Syarikat Indah Alam selenggarakan itu dijangka siap pada 15 Mei 2007.
- (iii) Di zaman globalisasi ini, bidang teknologi maklumat dan komunikasi diberikan kesungguhan oleh semua pihak.

[ 6 markah ]

- (e) Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian senaraikan peribahasa atau kata-kata hikmat yang bersesuaian dengan petikan tersebut.

Jasinah, gadis miskin yang tinggal bersama-sama ibu dan adiknya di kawasan pedalaman. Kehidupan mereka sangat daif. Untuk menampung kehidupan harian keluarganya, Jasinah bercucuk tanam di tanah terbiar belakang rumahnya. Adiknya, Jusuh berazam untuk menjadi orang yang berjaya agar dapat membaiki taraf hidup keluarga mereka. Walaupun sibuk membantu kakaknya, namun dia tetap mengulang kaji pelajaran setiap hari. Mereka percaya bahawa nasib seseorang tidak akan berubah kalau hanya berpegang pada takdir.

## MODUL 7

### Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab **semua** soalan.

- (a) Tulis **satu ayat bagi setiap perkataan** di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- ( i) kajian lapangan
- (ii) pakar perunding
- (iii) talian hayat
- (iv) premis perniagaan
- (v ) mercu tanda
- (vi) laman sosial

[6 markah]

- (b) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan – kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Penceramah itu memberikan definasi yang tepat tentang judul ceramah yang disampaikan dengan rujukan Kamus Dewan.
- (ii) Pada bulan Ramadhan, penganut agama Islam berpuasa di samping membuat penyiapan untuk menyambut hari raya pada bulan berikutnya.
- (iii) Kesah itu memberikan pedoman kepada pembaca agar memikirkan rasional dan tidak mengikutkan perasaan apabila membuat sesuatu keputusan.

[6 markah]

- (c) Dalam ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan – kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Laila Nabila memang tulus hatinya bila menyerahkan bayi yang baru dikeluarkan kepada sepupunya yang tidak mempunyai anak walaupun telah berkahwin selama 10 tahun.
- (ii) Jurnal itu dihantar ke pusat sumber sekolah kerana perlu disunting terlebih dahulu sebelum boleh diambil oleh sesiapapun sama ada guru atau pelajar.
- (iii) Oleh kerana dia memandu lori dalam keadaan laju, lorinya telah terlambung ke dalam longkang.

[6 markah]

- (e) *Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan **tiga** peribahasa yang sesuai berdasarkan petikan tersebut.*

Sikap sesetengah golongan remaja yang menconteng dan merosakkan harta benda awam amat dikesali. Kerajaan dan pihak swasta terpaksa membelanjakan banyak wang untuk membaiki dan menyediakan kemudahan awam untuk kemudahan orang ramai. Berbagai – bagi kempen yang dijalankan untuk mendidik pengguna tentang kepentingan menjaga kemudahan awam ini, namun sia – sia belaka. Tindakan tegas perlu dikenakan kepada mereka yang sengaja membuat kerosakan ini. Apabila berlaku kecemasan dan mereka tidak dapat menggunakan kemudahan tersebut, baharulah mereka sedar bahawa betapa pentingnya menjaga dan memastikan kemudahan awam ini berada dalam keadaan yang baik.

## MODUL 7

### Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[ 30 markah ]

Jawab semua soalan.

- ( a ) Tulis **satu** ayat bagi setiap perkataan dalam pasangan kata di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa **atau** nama khas.

- ( i ) kesal - kesat  
( ii ) luluh - lusuh  
( iii ) goyah - gonyoh

[6 markah]

- ( b ) Cerakinkan ayat-ayat dalam perenggan di bawah ini kepada **enam** ayat tanpa mengubah maksud asalnya.

Pembangunan modal insan telah menjadi topik hangat dan memainkan peranan yang penting dalam proses perancangan dan pelaksanaan untuk memajukan negara. Modal insan yang berkualiti dan mencukupi diperlukan oleh sesebuah negara untuk mempertingkatkan produktiviti yang dapat memantapkan ekonomi negara.

[6 markah]

- ( c ) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan penggunaan ejaan dan **satu** kesalahan penggunaan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat-ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (iv) Pasaraya itu telah menghadkan setiap pelanggannya membeli dua botol minyak masak sahaja.  
(ii) Influenza atau masaalah jangkitan penafasan ialah penyakit yang mudah merebak dalam kalangan manusia.  
(iii) Untuk memastikan para pelajar memperolehi keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun ini, pihak sekolah turut mendapatkan kerjasama daripada ibu-bapa.

[6 markah]

(e) *Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Bahasa Melayu ialah salah satu bahasa yang tergulung dalam keluarga bahasa Austronesia.
- (ii) Berita tentang seseorang pelabur yang ditipu oleh pendatang asing di syarikat itu hanya sampai ke pihak polis semalam.
- (iii) Bukan Datuk Karim sahaja yang dermawan dan prihatin akan kepahitan hidup penduduk kampung kerana nak lelakinya juga pemurah.

[6 markah]

(e) *Bina satu ayat bagi setiap peribahasa yang diberikan di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya.*

- (i) Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi.
- (ii) Air setitik dilautkan, tanah seketul digunungkan.
- (iii) Berjagung-jagung dahulu sementara menantikan padi masak.

[6 markah]

## MODUL 9

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis satu ayat daripada frasa di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

- |                 |                    |
|-----------------|--------------------|
| (i) menceburি   | (iv) membelanjakan |
| (ii) menasihati | (v) membekalkan    |
| (iii) menerokai | (vi) memanfaatkan  |
- [6 markah]

- (b) Gabung ayat Tunggal di bawah kepada ayat majmuk tanpa mengubah maksud asalnya. Gunakan bahasa yang gramatis.

Internet sangat penting. Internet banyak memberikan kemudahan. Melalui internet, kita dapat menghantar surat melalui e-mel. Dengan internet juga kita mendapat maklumat. Kita boleh membuat kerja taip-menaip. Kita juga boleh bersempang siber. Kos untuk sembang siber sangat murah. Hal ini sangat berbaloi. Hal ini juga jimat untuk berhubung ke luar negara.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan ejaan dan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Penduduk berhampiran Sungai Besar diingati supaya tidak menggunakan air sungai itu kerana telah tercemar oleh sisa toksid.
- (ii) Gulungan siswazah kini kurang meminati untuk melakukan kerja-kerja dalam sector pertanian kerana berpendapat bahawa sektor itu tidak menguntungkan.
- (iii) Persatuan Bulan Sabit Merah mengutip derma untuk mengumpulkan dana dengan tujuan membantu mangsa-mangsa Tsunami.

[6 markah]

- (d) *Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*
- (i) Lemang dan rendang ayam yang dijual oleh Pak Ali mendapat sambutan yang luar biasa kerana rasanya yang enak dan harganya bersesuaian.
  - (ii) Ai Ling mendapat tempat kedua di dalam perlawanan Pidato Piala Diraja yang dianjurkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.
  - (iv) Hampir dua jam kami merayap di seluruh pelosok pekan Taiping untuk mencari tempat Pusat Kraftangan, namun tidak bertemu.

[6 markah]

- (e) *Baca peribahasa di bawah dengan teliti dan kemukakan tiga peribahasa yang sama maksudnya.*
- (i) Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan.
  - (ii) Di mana ada kemahuan disitu ada jalan.
  - (iii) Bagai pinang dibelah dua.

## MODUL 10

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis satu ayat daripada frasa di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

- |       |                       |      |                         |
|-------|-----------------------|------|-------------------------|
| (i)   | Pusat Pentadbiran     | (iv) | memenuhi impian         |
| (ii)  | karenah kehidupan     | (v)  | institusi sosial        |
| (iii) | Mengharungi pemodenan | (vi) | Pembangunan Nilai Murni |

[6 markah]

- (b) Tulis semula ayat cakap ajuk di bawah kepada cakap pindah dengan mengekalkan susunan asalnya. Gunakan bahasa yang gramatis.

“Tak payahlah, Ida. Nenek minta maaflah. Nenek takut hendak mencubanya. Kata orang, tren itu laju sangat. Ida sajalah yang pergi. Tambahan pula, tambangnya mahal.” Elak Nenek. “Kereta api ni lain, nek. Walaupun laju, tetapi kereta api ini tidak bergoyang. Nenek percayailah kata Ida. Lagipun, takkan Ida nak pergi seorang diri. Jika nenek tak mahu ikut, Ida pun tak hendak mencubanya” balas Ida merajuk.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan ejaan dan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Kita juga diingat(didingatkan) agar tidak meninggikan suara apabila berbicara dengan ibu bapa serat tidak mengucapkan perkataan yang dapat menguris(menggores) hati mereka.
- (ii) Bandar Kuantan yang letak(terletak) di tepi Laut Cina Selatan sememangnya terkenal dengan keindahan dan keunikkan(keunikan) pantainya yang menggamit keinginan untuk dikunjungi.
- (iii) Sewaktu mengandung(mengandungkan) Amber yang merupakan anak ke tiga (ketiga), mereka sekeluarga pernah menetap di Sekinchan, Selangor.

- (d) *Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*
- (i) Dalam memerangi masalah rasuah, pelbagai ikhtibar (ikhtiar) telah kerajaan ambil (diambil oleh kerajaan) termasuk pemantauan yang berterusan.
- (ii) Insan yang mementingkan pendidikan pasti akan mengutamakan cita-cita dari(daripada) cinta, hal ini demikian kerana mereka sentiasa mempunyai penglihatan (pandangan) yang positif.
- (iii) Sekolah Seri Setia yang terletak di Gombak, bukan semata-mata sebuah sekolah swasta yang berorientasikan peperiksaan malah sekolah ini menekankan tentang(menekankan) potensi perkembangan murid dan mempersiap (mempersiapkan) pelajar untuk pembelajaran sepanjang hayat.

[6 markah]

- (e) *Baca dialog di bawah dengan teliti dan kemukakan tiga peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan ini*

Wartawan: Ceritakan sejarah awal pembabitan Encik Ramli dalam perniagaan ini?  
En.Ramli: Asalnya saya bekerja sebagai pemotong daging di pasar raya di Kuala Lumpur. Selepas beberapa tahun timbul kesedaran dalam dirinya untuk mempertingkatkan dirinya dalam bidang perniagaan. Beliau percaya selagi tidak mencuba, selagi itu belum tahu berjaya atau tidak. Sudah cuba pasti berjaya.

Wartawan: Encik Ramli bijak mengambil peluang.  
En Ramli: Kebetulan pada waktu itu orang Melayu waswas untuk memakan burger atau sosej dipasaran kerana bimbang soal halal haramnya. Jadi saya rasa inilah perniagaan terbaik yang boleh saya ceburi untuk mendapat keuntungan.

Wartawan: Rezeki Encik Ramli dalam bidang perniagaan kelihatan seperti tiada rintangan, apakah resepi kejayaan Encik Ramli?  
En. Ramli: Tidak. Awal perniagaan juga saya mengalami kesukaran untuk memperkenalkan produk ini, namun berkat usaha dan iktiar, serta tidak duduk diam akhirnya kami teguh dipasaran

[6 markah]

## MODUL 11

### Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis satu ayat bagi tiap-tiap kata dalam pasangan kata di bawah supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan, menggunakan perkataan sebagai peribahasa dan nama khas.

- |       |          |   |          |
|-------|----------|---|----------|
| (i)   | dipaut   | - | dipiati  |
| (ii)  | merusuk  | - | merusuh  |
| (iii) | bersalin | - | menyalin |

[6 markah]

(b) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan nyatakan jenis ayat tersebut.

- |       |   |
|-------|---|
| (i)   | Kebanjiran cakera padat cetak di pasaran telah menggugat pendapatan para karyawan.  |
| (ii)  | Bukankah perbuatan melepak merupakan perbuatan sia-sia?                             |
| (iii) | Ramai remaja hari ini terjebak dengan penagihan dadah kerana pengaruh rakan sebaya. |
| (iv)  | Hadiyah ini daripada ayah?  |
| (v)   | Jangan malu, jangan segan, silalah menjamu selera.                                  |
| (vi)  | Amboi, bergayanya awak hari ini!  |

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan ejaan dan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat-ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- |       |   |
|-------|---|
| (i)   | Anak yang berbudi perkerti tidak akan menceritakan tentang keburukan keluarganya kepada orang lain.       |
| (ii)  | Kerajaan harus menghadkan permit cafe siber bagi kesejahteraan masyarakat umum.                           |
| (iii) | Kegunaan bahasa Melayu oleh rakyat di negara ini khususnya jenerasi muda berkurang dari semasa ke semasa. |

[6 markah]

(d) *Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau bahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Keadaan yang sibuk di jalan legar hospital itu paling merimaskan sekali sesiapa sahaja yang berada di situ.
- (ii) Danial baharu sahaja pulang daripada luar negara.
- (iii) Penempatan masyarakat orang Asli di Janda Baik akan dimajukan oleh kerajaan negeri sejak dua tahun yang lalu.

[6 markah]

(e) *Bina satu ayat dengan menggunakan simpulan bahasa di bawah.*

- (i) lupa daratan
- (ii) bidan terjun
- (iii) lepas tangan

## MODUL 12

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis satu ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

- (i) lebih
- (ii) selebihnya
- (iii) lebih-lebih
- (iv) berlebihan
- (v) melebihi
- (vi) kelebihan

[6 markah]

(b) Tulis semula ayat cakap ajuk di bawah kepada cakap pindah dengan mengekalkan susunan asalnya. Gunakan bahasa yang gramatis.

“Tolong serahkan balik geran tanah tu datuk,” rayu Fuad. “Tapi mak kan sendiri dah setuju nak jual tanah tu,” Datuk Zaki menggetap bibirnya. “Mak saya buta huruf, datuk. Surat ini tak sah. Tak ada saksi,” tegas Fuad. “Baik Fuad, baik. Ini geran tanah mak kau. Ambil balik! Tapi kau sengaja membunuh peluang untuk menjadi kaya,” kata Datuk Zaki kesal.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan ejaan dan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Upacara perlantikan pengawas pusat sumber bagi sessi 2007 akan dirasmikan oleh pengetua.
- (ii) Pak Leman membentangkan tikar dan mengenepikan kain-kain lusoh yang berselerak di rumah itu.
- (iii) Negara perlukan bakal pemimpin yang mempunyai kepribadian yang mulia untuk merealisasikan Wawasan 2020.

[6 markah]

- (d) *Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*
- (i) Kertas kerja itu beliau bentangkan dalam ceramah yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pelajaran.
  - (ii) Pelajar itu dianugerahi pelbagai kad penghargaan kerana beliau amat cemerlang dalam bidang yang diceburinya.
  - (i) Jefri diterima bekerja sebagai jurutulis di mahkamah kerana kemahirannya menguasai berbagai bahasa.

[6 markah]

- (e) *Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemukakan tiga peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan ini*

Hidupnya begitu sukar untuk diteruskan kerana dia terpaksa bekerja pada setiap masa untuk sesuap nasi. Untuk meneruskan kehidupan, dia terpaksa bekerja kerana tanpa usaha rezeki tidak akan menjelma. Apabila sudah mendapat rezeki, dia perlu berusaha dengan lebih gigih lagi kerana rezeki sedikit tidak akan menjadi banyak atau bertambah jika dia tidak melipatgandakan usaha.

[6 markah]

## MODUL 13

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis satu ayat bagi tiap-tiap perkataan dalam pasangan perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

- (x) belut – belot
- (xi) karang – karang
- (xii) kudap – kedap

[6 markah]

- (b) Tulis ayat-ayat di bawah ini semula supaya menjadi **tiga** ayat sahaja tanpa mengubah maksud asal ayat-ayat tersebut.

Bahasa berperanan penting dalam kehidupan manusia. Bahasa menjadi alat perantaraan. Bahasa menjadi bahan dagangan dan penyebaran ilmu yang penting juga. Bahasa Melayu ialah jiwa dan identiti bangsa Malaysia. Setiap bangsa dikenal melalui bahasanya. Bahasa akan terus wujud jika bahasa itu menjadi bahasa ilmu. Bahasa Melayu menjadi simbul perpaduan. Bahasa Melayu mampu membangkitkan semangat patriotik dalam kalangan rakyat negara ini.

[ 6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan ejaan dan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- i. Lazimnya aktiviti pengkayaan dalam matapelajaran Bahasa Melayu terdiri daripada bacaan luas, permainan bahasa dan kerja projek.
- ii. Pegelangan tangan pencuri itu hampir putus kerana di tetak dengan parang oleh mangsanya ketika mempertahankan diri.
- iii. Walau pun kebanyakan orang asli tinggal di kawasan pedalaman tetapi boleh dikata semua anak mereka bersekolah.

[6 markah]

- (d) Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.
- (i) Biduan Dato' Sharifah Aini banyak menghasilkan album lagu-lagu Melayu asli dan moden sehingga artis-artis lain sukar untuk menandingi beliau.
  - (ii) Segala haiwan-haiwan di dalam hutan belantara itu pun keluar dan berhimpun di kawasan lapang untuk menyaksikan perlumbaan antara monyet dan siput di sepanjang sungai itu.
  - (iii) Gerai itu sering pembeli kerumuni terutamanya ketika orang balik dari pejabat sebab laksa asamnya sedap.

[6 markah]

- (e) Isi tempat kosong di bawah ini dengan menggunakan peribahasa yang sesuai.

Apabila berbicara tentang keruntuhan moral golongan remaja, kita tidak wajar \_\_\_\_\_ dan menyalahkan pihak lain kerana kita bersama-sama memikul tanggungjawab untuk menanganinya. Sesiapa yang cuba \_\_\_\_\_ dalam hal ini akan menjadi sia-sia sahaja, jika tidak ada anak sendiri yang terlibat tetapi tidak dapat dinafikan ada anak buah yang terlibat dalam gejala itu. Apabila perkara itu dibangkitkan sudah tentu \_\_\_\_\_ akhirnya.

[6 markah]

## MODUL 14

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kefahaman tentang Tatabahasa Bahasa Melayu

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan dalam pasangan kata di bawah supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan, menggunakan perkataan sebagai peribahasa dan nama khas.

- (i) menaiki – menaikkan
- (ii) mengejar – mengejarkan
- (iii) membuat – membuatkan

[6 markah]

(b) Tulis semula ayat-ayat di bawah supaya menjadi empat ayat sahaja tanpa mengubah maksud dan susunan asal ayat-ayat tersebut.

Keadaan ekonomi semakin gawat. Satu demi satu syarikat gergasi mencatat kerugian beratus-ratus juta ringgit. Bilangan pekerja yang akan diberhentikan meningkat dalam tempoh beberapa bulan lagi. Ada pekerja yang tidak akan diberhentikan. Mereka terpaksa menerima pemotongan gaji. Ada pekerja akan menerima pemotongan gaji sehingga 30 peratus. Pendek kata, kehidupan menjadi semakin getir. Ada orang yang tersekat punca pendapatannya. Harga barang keperluan asas terus meningkat. Setiap orang mesti mempunyai kekuatan untuk menghadapi kemungkinan yang lebih buruk. Kita mesti berjimat cermat. Kita patut membeli barang-barang yang perlu sahaja.

[6 markah]

(c) Dalam ayat-ayat di bawah terdapat dua penggunaan ejaan dan imbuhan yang salah. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Kemalangan jalan raya yang sering berlaku itu berpuncakan daripada sikap sesetengah pemandu yang tidak bertanggungjawab.
- (ii) Persidangan itu dihadiri oleh semua mentri kewangan dari negara membangun untuk membincang perkara yang berkaitan dengan perdagangan antarabangsa.
- (iii) Bekalan elektrik diputus sebaik-baik sahaja rancangan sukan itu hendak disiarkan oleh stesyen televisyen itu.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat dua kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*
- (i) Kementerian Pendidikan Malaysia berhasrat untuk melahirkan Malaysia sebagai pusat kecermalangan pendidikan dirantau ini.
  - (ii) Cita-citanya untuk memanjangkan pelajaran ke niversiti belum tercapai lagi oleh kerana hidupnya yang susah itu.
  - (iii) Syazwani makan goreng keledek sambil memotong bawang dengan menggunakan parang.

[6 markah]

- (e) *Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan **tiga** peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan ini.*

Sebenarnya Fawzi tidak berminat dan tidak pandai bermain bola sepak ketika di kampung. Tetapi setelah dia melanjutkan pelajarannya di institusi pengajian tinggi, minatnya untuk bermain bola timbul dan dia telah bergiat cergas dalam permainan tersebut. Hasil usaha gigih tanpa mengenal penat dan erti jemu, dia telah terpilih sebagai pemain yang akan mewakili institusi tempatnya belajar.

[6 markah]

## MODUL 15

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kefahaman tentang Bahasa Melayu

[30 markah]

Jawab semua solan.

(a) Tulis satu ayat bagi tiap-tiap perkataan dalam pasangan kata di bawah supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan, menggunakan kata itu sebagai peribahasa dan nama khas.

- (i) merawat -- melawat
- (ii) terbuang -- terluang
- (iii) mengecam -- mengancam

[6 markah]

(b) Tukar ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Lim San Tau membeli buku-buku yang berkaitan dengan kemajuan ekonomi negara maju itu.
- (ii) Pihak berkuasa perlulah mengambil tindakan terhadap pihak yang bertanggungjawab dalam masalah cetak rompak.
- (iii) Puan Siti Fatimah menyampaikan hadiah yang dimenangi oleh pelajar-pelajar itu dalam acara merentas desa.

[6 markah]

(c) Dalam ayat-ayat di bawah terdapat dua penggunaan ejaan dan imbuhan yang salah.

Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Pelajar-pelajar sekolah itu Cuma dibenar untuk membeli makanan di kentin pada waktu rehat sahaja.
- (ii) Pekerja-pekerja kontrek Jabatan Kerja Raya itu sedang melaku kerja-kerja untuk melebarkan jalan dari Klang ke Banting.
- (iii) Sidang redaksi majalah sekolah saya akan mesyuarat untuk memilih nama yang sesuai untuk majalah sekolah tahun ini.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat dua kesalahan, iaitu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Jalan pintas itu sering diharungi oleh murid-murid yang hendak pergi sekolah pada waktu pagi.
- (ii) Bapa saya memeriksa dengan teliti fail-fail yang diingini oleh ketua jabatannya semalam.
- (iii) Kerja-kerja mencakup sotong sesuai dilakukan di waktu malam sahaja.

[6 markah]

(e) Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan tiga peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan ini.

Persahabatan antara Nurul dengan Ruziana sudah terjalin sejak kecil. Hubungan mereka sungguh akrab hingga ke mana-mana sahaja mereka pergi mesti kedua-duanya ada bersama. Tambahan pula, mereka tinggal berjiran dalam satu kawasan perumahan. Mereka tidak pernah bergaduh kerana masing-masing memahami isi-hati masing-masing. Kalau ada kerja rumah mereka akan membuatnya bersama-sama. Dengan cara itu mereka dapat bertukar-tukar fikiran dan mengelakkan rasa bosan semasa belajar.

[6 markah]

## MODUL 16

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kefahaman tentang Tatabahasa Bahasa Melayu

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis satu ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan, menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

- (i) kaji
- (ii) kajian
- (iii) mengaji
- (iv) mengkaji
- (v) pengkaji
- (vi) dikaji

[6 markah]

(b) Tulis semula perbualan di bawah dalam bentuk karangan biasa tanpa mengubah maksudnya.

Halim: Khairi, ke mana kau semasa cuti sekolah?

Khairi: Belum tahu lagi Lim, lagipun aku nak cari wang untuk bayar yuran peperiksaan.

Halim: Kalau begitu, eloklah kau ikut sahaja aku.

Khairi: Ikut ke mana?

Halim: Pergi kerjalah. Aku nak bekerja sambilahn di restoran abang aku di pekan.

Khairi: Baik sangatlah tu, memang pun aku nak cari kerja.

[6 markah]

(c) Dalam ayat-ayat di bawah terdapat dua penggunaan ejaan dan imbuhan yang salah. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Azleeza menulis sepucok surat untuk hantar kepada ayah saudaranya di luar negara.
- (ii) Anggota masyarakat yang melempari keritikan itu sebenarnya mengambil berat atas segala kepincangan yang berlaku.
- (iii) Mereka akan memperbesarkan rumah itu berdasarkan plan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat dua kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Agenda perbincangan pada pagi ini sudah diserahkan oleh Saraswathy pada saya untuk diedarkan.
- (ii) Projek itu dijangka akan sudah sepenuhnya pada tahun depan dan akan dirasmikan oleh Menteri Perdana.
- (iii) Semalam dia tidak dapat tidur nyanyuk kerana digangu oleh mimpi yang paling menakutkan sekali.

[6 markah]

(e) Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan **tiga** peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan ini.

Amalah memang merupakan seorang anak yang degil dan tidak mendengar nasihat ibu bapanya. Segala nasihat ibu bapanya tidak diendahkannya dan dia sering melakukan sesuatu perkara mengikut perasaannya serta tidak memikirkan kesan buruk yang akan menimpa dirinya suatu hari nanti. Contohnya, dia sering memandu keretanya dengan laju dan dalam keadaan bahaya. Namun begitu, selepas dia terlibat dalam kemalangan jalan raya yang menyebabkan kakinya patah, barulah dia menyesal dan sedar akan kedegilannya itu. Namun begitu, penyesalannya itu sudah terlambat. Selain itu, semua kawannya yang selalu mendampinginya selama ini sudah mula menjauhkan diri.

[6 markah]

## MODUL 17

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kefahaman tentang Tatabahasa Bahasa Melayu

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis satu ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan, menggunakan perkataan sebagai peribahasa dan nama khas.

- (i) berlapis-lapis
- (ii) terkumat-kamit
- (iii) berbondong-bondong
- (iv) mengangguk-angguk
- (v) berbuai-buai
- (vi) mengacah-acah

[6 markah]

- (b) Tukar ayat pasif di bawah kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Pekerja-pekerja yang datang lewat itu telah dipanggil oleh pengurus syarikat itu untuk diberi amaran.
- (ii) Anaknya yang nakal itu telah dipukul oleh Ramesh dengan rotan semalam.
- (iii) Anak-anak yang masih belum matang perlu diberikan perhatian oleh ibu bapa.

[6 markah]

- (c) Dalam ayat-ayat di bawah terdapat dua penggunaan ejaan dan imbuhan yang salah. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Usaha untuk menunjukkan bakat-bakat muda dalam seni mempertahankan diri perlulah mengambil segera.
- (ii) Semua penduduk kampong itu telah kerjasama untuk menjayakan majlis ulang tahun yang kelima puluh.
- (iii) Pihak kerajaan telah meluluskan perbelanjaan untuk mengendahkan pantai yang sudah lama berbiar itu.

[6 markah]

- (d) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat dua keslahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Beberapa batang senapang berjaya dirampas dari penjenayah yang ditangkap oleh polis semalam.
- (ii) Kapal terbang yang baru berhenti itu sedang diperiksa oleh pihak berkuasa kerana disyaki ada bom didalamnya.
- (iii) Kakak merebus air selepas menyiapkan kerja rumahnya yang telah diberikan oleh guru beliau.

[6 markah]

- (e) *Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan **tiga** peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan ini.*

Memang banyak faedah yang akan diperoleh jika kita merantau atau pergi ke sesuatu tempat yang jauh dari tempat kita. Kita akan dapat melihat cara hidup masyarakat di tempat tersebut yang berbeza dengan cara hidup kita. Oleh itu, memang ada orang yang suka mengembara ke tempat lain sama ada untuk mencari pekerjaan ataupun pengalaman. Ada pula perantau yang terus menetap di tempat tersebut, tetapi ada juga yang pulang ke tempat asal setelah lama berada di perantauan.

[6 makah]

## MODUL 18

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kefahaman tentang Tatabahasa Bahasa Melayu

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis dua ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan, menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

- (i) murah
- (ii) kabur
- (iii) uzur

[6 markah]

(b) Tulis semula ayat-ayat di bawah supaya menjadi tiga ayat sahaja tanpa mengubah maksud dan susunan asal ayat-ayat tersebut.

Bersenam merupakan amalan yang baik. Bersenam akan menyihatkan badan, Bersenam merupakan aktiviti mengisi masa lapang. Banyak aktiviti senaman yang boleh dilakukan. Antara contohnya ialah aktivi jogging. Berjalan kaki juga salah satu aktiviti senaman. Aktiviti senaman juga dapat mengelakkan penyakit berbahaya. Aktiviti senaman mestilah dijadikan amalan hidup. Aktiviti senaman haruslah dilakukan sekurang-kurangnya tiga kali seminggu. Hal ini adalah untuk mewujudkan masyarakat yang sihat.

[6 markah]

(c) Dalam ayat—ayat di bawah terdapat dua penggunaan ejaan dan imbuhan yang salah. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Cikgu Jannuri tidak sempat hendak membincangkan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan topek perbincangan pada hari ini kerana suntuk masa.
- (ii) Sumbangan penulis-penulis muda dalam bidang penulisan akan merancak dunia sastra di negara kita.
- (iii) Telor ayam kampung memang bagus memakan dengan madu lebah setiap hari untuk menyihatkan badan.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat dua kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Kapal terbang yang membawa orang haji itu baru sahaja berlapas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.
- (ii) Pegawai-pegawai penguatkuasa telah merampas berpuluhan bungkus cakera padat cetak rompak dari kedai itu.
- (iii) Abang Saripah menghadiah baju berwarna laut biru kepada kawan baiknya itu.

[6 markah]

(e) Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan **tiga** peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan ini.

Bapa kawan saya baru sahaja mendapat wang yang banyak hasil jualan tanahnya. Dia terlalu gembira kerana tidak menyangka tanah itu akan dimajukan oleh kerajaan. Wang yang diperolehnya itu akan digunakan untuk membeli rumah banglo baru dan kereta mewah yang diaidamkannya selama ini. Namun begitu, perangainya juga sudah berubah sejak mendapat wang yang banyak itu dan masanya selalu dihabiskannya di meja judi. Dia begitu boros berbelanja dan berjudi hingga menyebabkan wangnya habis dalam masa dua tahun sahaja. Akhirnya, dia menyesali sikapnya yang boros itu, tetapi sudah terlambat.

[6 markah]

## MODUL 19

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kefahaman tetang Tatabahasa Bahasa Melayu

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis dua aya bagi tiap-tiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan maksudnya.

Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

- (i) Lebih -- berlebih-lebih
- (ii) lubang -- berlubang-lubang
- (iii) tingkat -- bertingkat-tingkat

[6 markah]

(b) Tulis semula petikan di bawah dalam bentuk karangan biasa dengan menggunakan cakap pindah.

“Mengapakah kau muram saja ini?” tanya Salmi.

“Aku ada masalah sedikit,” balas Zainun.

“Bertenanglah kawan. Apakah masalah engkau?” Salmi menambah.

“Kau bukannya boleh selesaikan masalah aku,” kata Zainun

“Belum cuba belum tahu,” sahut Salmi.

[6 markah]

(c) Dalam ayat-ayat di bawah terdapat dua penggunaan ejaan dan imbuhan yang salah. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur maksud asalnya.

- (i) Puan Zakiah dan suaminya merasa kecewa kerana anak mereka, Zainal gagal masuk ke mana-mana universiti sebab keputusn pepereksaanya yang tidak cemerlang.
- (ii) Beberapa orang pelajar telah ditangkapi oleh pengawas kerana memboli pelajar-pelajar baru.
- (iii) Satu belok bangunan baru sekolah saya sudah siap dan boleh diguna apabila penggal persekolahan dibuka tahun depan.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah terdapat dua kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat tu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Ketika saya berada di pantai untuk menghisap udara nyaman, Pak Ali datang dan meminta saya menyampaikan kepada datuk salam.
- (ii) Raja negeri itu telah menyuruh pembesar istana supaya mentafsirkan jumlah kerugian akibat bencana itu.
- (iii) Semua murid-murid yang datang lewat ke sekolah akan didenda menangkap sampah di kawasan sekolah.

[6 markah]

(e) Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan **tiga** peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan ini.

Laila memang disayangi dan dimanjakan oleh ibu dan bapanya sejak kecil. Hal ini disebabkan dialah satu-satunya anak perempuan dalam keluarganya. Dia juga merupakan anak yang terakhir daripada lima orang adik-beradik. Oleh itu, ibu dan bapanya mengambil berat dan menjaganya dengan sempurna. Perkara ini kadang-kadang menyebabkan abang-abangnya yang lain berasa tidak puas hati. Tambahan pula, semua perkara yang dimintanya akan ditunaikan oleh ibu dan bapanya.

[6 markah]

## MODUL 20

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kefahaman tentang Tatabahasa Bahasa Melayu

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis dua ayat bagi tiap-tiap pasangan perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan, menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

- |                 |    |             |
|-----------------|----|-------------|
| (i) mengisahkan | -- | mengesahkan |
| (ii) meluluskan | -- | meluruskan  |
| (iii)melebarkan | -- | menebarkan  |

[6 markah]

(b) Tulis semula laporan di bawah ini dalam bentuk cakap ajuk tanpa mengubah maksudnya.

Samsul mengeluh sambil mengatakan bahawa ada sahaja bencana yang berlaku di negara kita. Salim mengakui hakikat itu sambil mengatakan bahawa ada bencana alam yang berpunca daripada manusia sendiri, Samdul bersetuju dengan pandangan Salim sambil mengatakan bahawa kes yang terkini ialah rumah runtuh di Hulu Klang. Salim mengatakan bahawa kes itu telah meragutanyak nyawa. Oleh itu, Samsul mengatakan bahawa semua pihak perlulah prihatin terhadap masalah tersebut.

[6 markah]

(c) Dalam ayat-ayat di bawah terdapat dua penggunaan ejaan dan imbuhan yang salah. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Oleh sebab menuntun tayang larut malam, Mustafa terlewat bangun dan terpaksa pergi ke sekolah agak lewat.
- (ii) Abang Stephen menghadiahi basikal baharu kepadanya sempene hari ulang tahunnya yang kelima belas.
- (iii)Agen syarikat jualan langsung itu sedang usaha untuk menaja ahli-ahli baharu bagi mencapai sasaran syarikatnya,

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah terdapat dua kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Pelajar yang membawa motosikal ke sekolah itu terlibat ke dalam kemalangan jalan raya pagi semalam.
- (ii) Anjung peliharaan Encik Lim San Tau mengaum bila pencuri itu memanjat pagar rumahnya.
- (iii) Kapal yang sedang berhenti di pelabuhan itu membawa muatan berpuluhan tan kayu lapis.

[6 markah]

(e) Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan tiga peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan ini.

Penduduk di kawasan perumahan itu hidup dalam keadaan aman dan harmoni. Hal ini demikian kerana semuanya mengamalkan nilai hormat-menghormati antara satu sama lain. Jika ada masalah, mereka akan berbincang bersama-sama dan mencari kata sepakat untuk menyelesaiakannya. Selain itu, semua perkara yang hendak dilakukan menjadi mudah kerana semua orang melibatkan diri dan bekerjasama untuk menjayakannya. Namun begitu, ada seorang dua penduduk yang cuba memecahbelahkan keadaan tersebut dengan menyebarkan berita yang palsu.

[6 markah]

## MODUL 21

### SOALAN SPM TAHUN 2005

#### Soalan 3: Pengetahuan dan Kefahaman tentang Tatabahasa Bahasa Melayu

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis dua ayat bagi tiap-tiap pasangan perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan, menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.
- (i) Tatasusila
  - (ii) Tatacara
  - (iii) Prasyarat
  - (iv) prasejarah
  - (v) Dwibahasa
  - (vi) Dwitahunan
- (b) Tukar ayat pasif di bawah kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.
- (i) Tugas mengisi kemerdekaan Negara akan kita pikul bersama-sama
  - (ii) Semenjak program kitar semula dilancarkan oleh kerajaan, tahap kebersihan di kawasan kediaman semakin meningkat.
  - (iii) Sebuah gelanggang badminton telah dibina oleh mereka secara gotong royong pada minggu lepas.
- (c) Dalam ayat-ayat di bawah terdapat dua penggunaan ejaan dan imbuhan yang salah. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.
- (i) Malaysia mampu memajukan bidang eko-pelancongan kerana mengayakan sumber alam semula jadinya.
  - (ii) Guru bimbingan itu telah memberikan keterangan yang jelas tentang profesyen sebagai pakar bedah.
  - (iii) Persatuan belia yang baru ditubuhkan itu mengenangkan moto yang berteraskan perpaduan belia semalaysia.

(d) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat dua kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas kesudian tuan mengisyiharkan kempen Cintai Sungai Kita peringkat daerah ini.
- (ii) "Wahai generasi muda, berbaktiilah kepada Negara yang tercinta ini," wasiat pemimpin itu ketika berucap dalam perhimpunan belia.
- (iii) Kelawar-kelawar yang bergayutan di dinding Gua Niah menarik perhatian pelancong.

(e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.

- (i) Walaupun kita berasa kasihan atas nasib malang yang menimpa Amira, tetapi dia yang menanggungnya tentulah berasa lebih perit lagi.
- (ii) Jamal menikmati segala kemewahan yang disediakan oleh bapanya tetapi dia tidak gembira kerana tidak dibenarkan bergaul bebas sesuka hati seperti remaja lain.
- (iii) Perbelanjaan kita biarlah bersesuaian dengan pendapatan dan janganlah kita berbelanja berlebih-lebihan.

## MODUL 22

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kefahaman tentang Tatabahasa Bahasa Melayu

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis dua ayat bagi tiap-tiap pasangan perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan, menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.
- (i) sabut - serabut  
(ii) tunjuk - telunjuk  
(iii)guruuh - gemuruh
- (c) Cerakinkan ayat majmuk di bawah kepada dua ayat tunggal.
- (i) Adakah Encik Amran hendak ke Muzium Negara atau Putrajaya?  
(ii)Pendebat itu petah berhujah dan bijak mematahkan hujah lawan.  
(iii)Siswazah yang berpandangan jauh tidak mengharapkan kerja makan gaji sahaja.
- (d) Dalam ayat-ayat di bawah terdapat dua penggunaan ejaan dan imbuhan yang salah. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.
- (i) Wakil Rakyat di kawasan pedalaman itu telah mensyorkan pembinaan sebuah stesen janakuasa kecil di situ.  
(ii) Penggunaan e-mail memberikan kemudahan untuk seseorang menyampaikan mesej dalam beberapa saat sahaja.  
(iii) Kempen anti-dadah peringkat kebangsaan yang dilancar oleh kerajaan mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat.

(d) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat dua kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Siswazah yang memiliki kemahiran tertentu selain daripada kelulusan akademik mempunyai peluang yang lebih baik dalam perlawanan untuk mendapatkan pekerjaan.
- (ii) Stesen minyak-stesen minyak dibandar-bandar utama Negara kita mengamalkan konsep layan sendiri.
- (iii) Pembabitan golongan wanita di dalam pelbagai bidang kerjaya telah menambahkan martabat mereka.

(e) Baca dialog di bawah dengan teliti, kemudian senaraikan peribahasa atau kata-kata hikmat yang sesuai untuk diisikan pada tempat kosong.

Amir: Ramai pengguna bahasa Melayu suka menggunakan bahasa rojak semasa berkomunikasi.

Sofea: Yalah. Bukan itu sahaja! Media massa pun sering menggabaikan penggunaan bahasa yang betul.

Amir: Jika kita sayang akan bahasa, kita mesti menggunakan bahasa yang betul pada setiap masa dan keadaan, kerana \_\_\_\_\_(i)\_\_\_\_\_.

Sofea: Media massa perlulah memainkan peranan yang bersungguh-sungguh dalam mendaulatkan bahasa Melayu tanpa perlu berdolak-dalik. Bak kata pepatah \_\_\_\_\_(ii)\_\_\_\_\_.

Amir: Saya bersetuju dengan pendapat kamu, Media massa dapat menyalurkan idea dan kritikan dengan lebih berkesan kerana \_\_\_\_\_(iii)\_\_\_\_\_.

## MODUL 23

### SOALAN SPM TAHUN 2007

#### **Soalan 3: Pengetahuan dan Kefahaman tentang Tatabahasa Bahasa Melayu**

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

(a) Tulis dua ayat bagi tiap-tiap pasangan perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan, menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

- (i) muka
- (ii) terkemuka
- (iii) bersemuka
- (iv) permukaan
- (v) mengemukakan
- (vi) bermuka-muka

(b) Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Saya telah menghasilkan beberapa buah buku masakan tradisional antara tahun 2000 hingga 2006.
- (ii) Setiap petang kamu mesti menyiram sayur-sayuran di belakang rumah.
- (iii) Pelatih Program latihan Khidmat Negara menjalani latihan intensif selama tiga bulan.

(c) Dalam ayat-ayat di bawah terdapat dua penggunaan ejaan dan imbuhan yang salah. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Gerakan Cintailah Bahasa kita telah dilancarkan untuk mendokong usaha kemasyarakatan bahasa Melayu.
- (ii) Setiap pusat melupuskan sampah hendaklah sentiasa dipantau supaya mesra alam dan tidak memudaratkan penduduk disekitarnya.
- (iii) Pengurusan syarikat itu memasarkan peningkatan jualan produknya sebanyak tujuh puluh peratus dalam jangka masa setahun.

(d) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat dua kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Atur susun perabot di dalam bilik pameran itu dilakukan oleh sebahagian dari pekerja syarikat tersebut.
- (ii) Keseluruhan penduduk-penduduk kampung itu akan bergotong royong apabila tiba musim membajak padi.
- (iii) Selepas pilihan raya umum, biasanya terdapat setengah pihak yang membuat spekulasi tentang pindaan kabinet yang akan dibuat oleh Perdana Menteri.

(e) Beri maksud peribahasa di bawah.

- (i) Bahasa Jiwa Bangsa
- (ii) Bagai dakwat dengan kertas
- (iv) Seperti air dalam kolam

## MODUL 24

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kefahaman tentang Tatabahasa Bahasa Melayu

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis dua ayat bagi tiap-tiap pasangan perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan, menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

- (i) suka duka
- (ii) baik buruk
- (iii) penat lelah
- (iv) melayari laman web
- (v) pembangunan mesra alam
- (vi) semangat setia kawan

(b) Nyatakan pola bagi ayat-ayat di bawah sama ada ayat tersebut berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS)

- (i) Baju sutera ini untuk ibu.
- (ii) Kuda putih itu berlari pantas.
- (iii) Sekolah baharu itu sangat cantik landskapnya.
- (iv) Tun Abdul Razak Bapa Pembangunan Malaysia.
- (v) Penduduk kampung akan bergotong-royong pada hujung minggu ini.
- (vi) Encik Ramli guru mata pelajaran Bahasa Melayu di SMK Seri Murni.

(c) Dalam petikan di bawah terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Sebagai masyarakat yang menyintai keamanan dan kemakmuran, rakyat Malaysia sentiasa perihatin terhadap nasib rakyat Negara yang dilanda bencana. Kita kasihan akan rakyat yang hidup tersiksa dan diancam kebuluran. Kita perlulah menghulur bantuan kewangan dan mengembangkan tenaga dalam memperjuangkan keamanan sejagat.

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu.*

*Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Hasrat Aimar supaya menyertai ekspedisi mendaki Gunung Kinabalu terpaksa dimansuhkan kerana masih belum mendapat keizinan daripada kedua-dua ibu bapanya.
- (ii) Wang gaji yang diperoleh oleh saya setiap bulan dibelanjakan secara berhemah dan bakinya disimpan di dalam bank.
- (iii) Jabatan Meteorologi menganggarkan bahawa cuaca panas di pantai Timur Semenanjung Malaysia mendung, manakala di lain-lain kawasan cuacanya cerah.

(e) *Tulis ayat berdasarkan setiap peribahasa di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya*

- (i) Bagai menatang minyak yang penuh.
- (ii) Benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau.
- (i) Hati gajah sama dilapah hati kuman sama dicecah.

## MODUL 25

### SOALAN SPM TAHUN 2009

#### Soalan 3: Pengetahuan dan Kefahaman tentang Tatabahasa Bahasa Melayu

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis dua ayat bagi tiap-tiap pasangan perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan, menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

- (i) kemas
- (ii) mengemaskan
- (iii) kekemasan
- (iv) harga
- (v) menghargai
- (vi) penghargaan

(b) Berdasarkan ayat-ayat di bawah, bina ayat Tanya dengan menggunakan kata Tanya yang betul. Kata Tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan rangkai kata yang berhuruf condong dalam ayat-ayat yang diberi.

- (i) Mereka bersenam petang tadi
- (ii) Encik Samad pengurus besar syarikat itu.
- (iii) Murid itu mendapat pujian kerana kecemerlangan dalam pelajaran.
- (iv) Pertandingan akhir Piala Malaysia akan diadakan di Stadium Bukit Jalil.
- (v) Kren digunakan dalam pembinaan bangunan 21 tingkat itu.
- (vi) Negara kita mencapai kemerdekaan melalui rundingan meja bulat.

(c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

- (i) Pertunjukan akrobatik yang mengagumkan itu mendapat tepukan yang gemuroh daripada para penonton.
- (ii) Semua peserta ekspedisi meredah hutan itu digalakkan supaya memakai stoking tebal untuk menjaga keselamatan.
- (iii) Mangsa kemalangan jalan raya itu telah dikejar ke hospital dengan menggunakan sebuah ambulan.

- (d) *Dalam petikan di bawah, terdapat tiglum dapat kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

Sederetan rumah-rumah telah musnah dalam kebakaran di tapak perumahan tersebut. Anggota pasukan bomba telah bergegas ke tempat kejadian supaya memadamkan api yang sedang mara. Jumlah kerugian yang pemilik-pemilik rumah alami belum dapat ditafsirkan lagi.

- (d) *Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.*

Sekolah merupakan institusi formal yang mampu melahirkan modal insan yang akan memajukan Negara. Bagi mencapai matlamat ini, guru-guru hendaklah menjalin hubungan yang erat dengan murid-murid di samping bekerjasama bagi\_\_\_\_\_ (i)\_\_\_\_\_.

Selain itu, mereka perlulah berusaha dengan gigih dan rajin untuk menempa kecemerlangan kerana\_\_\_\_(ii)\_\_\_\_\_. Sebagaimana yang diketahui, resepi kejayaan seseorang murid ialah permuafakatan antara guru dengan ibu bapa dalam melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan prestasi murid-murid dalam akademik. Apabila bermuafakat, sesuatu kejayaan mudah diperoleh kerana\_\_\_\_(iii)\_\_\_\_\_.

## MODUL 26

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kefahaman tentang Tatabahasa Bahasa Melayu

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis dua ayat bagi tiap-tiap pasangan perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan, menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

- (i) cepumas
- (ii) halaju
- (iii) jejantas
- (iv) jenama
- (v) pawagam
- (vi) purata

- (b) Gabungkan ayat-ayat di bawah supaya menjadi tiga ayat sahaja dengan menggunakan kata hubung yang sesuai tanpa mengubah maksud dan struktur asalnya.

Kemarau ialah bencana alam. Kemarau berpunca daripada cuaca panas. Kemarau berpunca daripada kurangnya hujan. Kemarau menyebabkan tanah kering-kontang. Tumbuh-tumbuhan banyak yang mati. Kegiatan manusia juga terhalang akibat ketiadaan air. Kemarau menyebabkan air terpaksa dicatu. Jabatan Bekalan Air terpaksa menyediakan tangki air di kawasan perumahan. Hal ini dapat mengurangkan masalah yang dihadapi oleh anggota masyarakat.

- (c) Dalam petikan di bawah terdapat **tiga kesalahan ejaan** dan **tiga kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Industri pefileman yang semakin pesat dan canggih telah mempengaruhi perkembangan sahsiah anak-anak. Keprihatinan ibubapa amat diperlukan untuk mengawal anak-anak agar tidak mempengaruhi watak wira dan wira wati dalam filem. Dalam hal ini, mereka perlu memastikan anak-anak tidak dibawa-bawa dengan watak tersebut dalam kehidupan sehingga menjaskan prestasi akademik.

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Album yang baru diterbitkan itu mengandungi koleksi lagu-lagu lama yang berkuantiti dan diminati oleh orang ramai.
- (ii) Para pelajar perlu menyiapkan kerja khusus Sejarah dalam tempoh yang telah guru mereka tetapkan.
- (iv) Istana yang terpaling indah itu ialah tempat sultan tinggal.

(e) *Baca maksud peribahasa di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan maksud peribahasa tersebut.*

- (i) Pasangan yang sepadan.
- (ii) Sesuatu yang tidak akan terjadi jika satu pihak sahaja yang melakukannya.
- (iii) Orang yang merantau akhirnya kembali ke tempat asal.

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

Jawab **semua** soalan.

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap kata dan kata berimbuhan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.
- (i) bangun- pembangunan
  - (ii) tumbuh-pertumbuhan
  - (iii) lantik-pelantikan

[6 markah]

- (b) Nyatakan pola bagi ayat-ayat di bawah sama ada ayat tersebut berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FS)
- (i) Kain songket itu untuk Dahlia.
  - (ii) Anggerik menangis kerana kelaparan.
  - (iii) Rumah Embong itu sangat sempit dan jauh di pedalaman.
  - (iv) Cikgu Hisyam guru kelas Dahlia dan Kavita.
  - (v) Keluarga Azhari akan datang merisik Dahlia di Kampung Parit Haji Rais.
  - (vi) Balai raya itu sudah usang.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menulis ayat itu semula.
- (i) Gadis yang berpakaian baju berwarna merah dan berambut keringting itu berasal dari pedalaman Johor.
  - (ii) Bomoh itu membaca beberapa mentera kepada pesakitnya sebelum mencerita punca sebenar penyakit tersebut.
  - (iii) Satay merupakan makanan yang semakin popular di negara ini berbandingkan dengan makanan tradisional yang lain.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Semua pelajar perlu sedar yang setiap kejayaan akan diperoleh jika ada kemahuan, kesungguhan, dan tidak mengenal putus harap.
- (ii) Kertas rujukan untuk kelas sains itu telah disiapkan oleh kami pada pagi tadi.
- (iii) Berdasarkan pada laporan guru disiplin, kebanyakan aktiviti keluar sekolah disebabkan pengaruh rakan sebaya.

[6 markah]

(e) *Baca peribahasa di bawah ini dengan teliti, kemudian nyatakan maksud peribahasa tersebut.*

- (i) Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri
- (ii) Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara
- (iii) Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan

[6 markah]

## MODUL 28

### Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- ( i) kajian lapangan
- (ii) pakar perunding
- (iii) talian hayat
- (iv) premis perniagaan
- (v ) mercu tanda
- (vi) laman sosial

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan – kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (iv) Penceramah itu memberikan definisi yang tepat tentang judul ceramah yang disampaikan dengan rujukan Kamus Dewan.
- (v) Pada bulan Ramadhan, penganut agama Islam berpuasa di samping membuat penyiapan untuk menyambut hari raya pada bulan berikutnya.
- (vi) Kesah itu memberikan pedoman kepada pembaca agar memikirkan rasional dan tidak mengikutkan perasaan apabila membuat sesuatu keputusan.

(6 markah)

(d) Dalam ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan – kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (iv) Laila Nabila memang tulus hatinya bila menyerahkan bayi yang baru dikeluarkan kepada sepupunya yang tidak mempunyai anak walaupun telah berkahwin selama 10 tahun.
- (v) Jurnal itu dihantar ke pusat sumber sekolah kerana perlu disunting terlebih dahulu sebelum boleh diambil oleh sesiapapun sama ada guru atau pelajar.
- (vi) Oleh kerana dia memandu lori dalam keadaan laju, lorinya telah terlambung ke dalam longkang.

(6 markah)

(e) *Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan **tiga** peribahasa yang sesuai*

Sikap sesetengah golongan remaja yang menconteng dan merosakkan harta benda awam amat dikesali. Kerajaan dan pihak swasta terpaksa membelanjakan banyak wang untuk membaiki dan menyediakan kemudahan awam untuk kemudahan orang ramai. Berbagai – bagi kempen yang dijalankan untuk mendidik pengguna tentang kepentingan menjaga kemudahan awam ini, namun sia – sia belaka. Tindakan tegas perlu dikenakan kepada mereka yang sengaja membuat kerosakan ini. Apabila berlaku kecemasan dan mereka tidak dapat menggunakan kemudahan tersebut, baharulah mereka sedar bahawa betapa pentingnya menjaga dan memastikan kemudahan awam ini berada dalam keadaan yang baik.

(6 markah)

## MODUL 28

### Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

**Jawab semua soalan.**

- (a) Tulis dua ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menggunakan perkataan sebagai peribahasa, dan kata nama khas.

- (i)      bekas
- (ii)     besar
- (iii)    bernas

[6 markah]

- (b) Baca ayat-ayat di bawah ini dengan teliti, kemudian pisahkan ayat-ayat tersebut supaya menjadi **enam** ayat tunggal tanpa mengubah maksud asalnya.

Pada era ini, kejayaan sesebuah negara amat bergantung pada keupayaan inovasi yang diilhamkan daripada daya kreativiti dan kegigihan rakyatnya. Oleh itu, kerajaan telah melancarkan Malaysia Inovatif 2010 pada bulan Januari 2010 yang bertemakan “Meraikan Kreativiti” untuk meningkatkan kesedaran segenap lapisan masyarakat tentang kepentingan budaya kreatif dalam memperkasakan sesuatu bangsa.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Prospek pertanian pada peringkat antara bangsa amat cerah kerana penduduk perlukan bekalan makanan.
- (ii) Sumbangan golongan cerdekiawan dan sastera amat diperlukan untuk memastikan karya sastera tidak terpinggir.
- (iii) Pembakaran secara terbuka di kawasan pertanian itu telah menyebabkan beberapa unit rumah terdekat turut musnah.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan kata atau istilah, dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah ataupun satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Selain kuasa elektrik, kita masih bergantung kepada petroleum, gas asli dan arang batu.
- (ii) Baginda telah bersetuju untuk merasmikan program ‘Membaca Budaya Kita’ yang akan Dewan Bahasa dan Budaya laksanakan pada bulan hadapan.
- (iii) Pihak polis tidak sempat menyelamatkan rekod para pesalah-pesalah kerana balai polis itu hancur dalam kebakaran kelmarin.

[6 markah]

(e) Baca ayat-ayat di bawah ini dengan teliti, kemudian isi ruangan kosong dengan peribahasa yang sesuai bagi ayat-ayat tersebut.

- (i) Bibi Zainab sentiasa teringat dan rindu akan suaminya yang telah berbulan-bulan pergi belayar seperti \_\_\_\_\_
- (ii) Kassim Selamat menjadi buta kerana terlalu sedih dan banyak menangis selepas mendapat berita bahawa isterinya telah meninggal dunia ibarat pepatah\_\_\_\_\_
- (iii) Jangan sekali-kali kita mengeji ahli keluarga sendiri kerana perbuatan itu samalah seperti mengeji diri sendiri seperti \_\_\_\_\_

[6 markah]